

04 MAR 2003

Jambatan

SEBUAH JAMBATAN DICADANA DIBINA ANTARA PERLIS-LANGKAWI

KANGAR, 4 Mac (Bernama) -- Sebuah jambatan dicadang dibina antara Perlis dan Langkawi selaras dengan cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Pulau Langkawi dijadikan pusat pentadbiran Kedah menggantikan Alor Setar.

Pengarah Eksekutif Perlis Holding Sdn Bhd, Hashim Suboh berkata jarak antara Perlis dan pulau bebas cukai itu lebih dekat berbanding Kuala Kedah dan jambatan itu dianggarkan kira-kira 30 kilometer panjang.

Ia bukan sahaja menjadi alternatif kepada penggunaan feri tetapi tidak lagi mengehadkan hubungan pulau itu dengan tanah besar, katanya ketika ditemui Bernama di sini hari ini.

Pada Sabtu lepas, Perdana Menteri menyatakan cadangannya Pulau Langkawi menjadi pusat pentadbiran negeri Kedah kerana ia semakin maju sehinggakan pesawat Boeing 747 boleh mendarat di pulau itu.

Hashim berkata jika selama ini, pengunjung Pulau Langkawi hanya bergantung kepada perkhidmatan udara dan laut tetapi melalui cadanganjambatan itu, mereka tidak lagi bimbang dengan tekanan masa.

Pembangunan masa depan Kuala Perlis turut bergantung kepada pembangunan Pulau Langkawi, kata Hashim yang syarikatnya terbabit dengan projek pembinaan pelabuhan Kuala Perlis bernilai RM280 juta.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Dr Ng Yen Yen yang berada di Perlis untuk menghadiri beberapa majlis, ketika diminta mengulas cadangan itu berkata tidak mustahil Langkawi boleh menjadi pusat pentadbiran negeri Kedah.

Bagaimanapun kajian mendalam dan teliti perlu dilakukan jika ada cadangan bagi membina jambatan Perlis-Langkawi.

Pembinaannya perlu mengambil kira faktor keperluan penggunaannya kerana jumlah penduduk Langkawi masih belum begitu tinggi sedangkan kos membina jambatan seumpama itu mahal, katanya.

-- BERNAMA

AD RON